

Klinik Sihat



Cabrini Outreach – Shepparton bekerjasama dengan Primary Care Connect

Cabrini Outreach telah membuka klinik kesihatan utama yang baru. Semua rawatan kesihatan di klinik ini disediakan percuma.

Klinik ini bertempat di Primary Care Connect, 399 Wyndham Street, Shepparton.

Siapa yang boleh ke sana?

Klinik ini untuk mereka yang meminta suaka, pendatang tanpa dokumen (tanpa visa), pemegang visa sementara yang rentan dan orang pelarian sehingga enam bulan selepas ketibaan.

Keutamaan akan diberikan kepada mereka yang tidak mempunyai Medicare.

Jururawat dapat menilai kesihatan anda dan memberikan rawatan tertentu. Doktor dapat menentukan masalah kesihatan anda, memberikan ubat, dan merujuk anda kepada doktor pakar.

Adakah klinik ini aman?

Klinik ini aman untuk semua. Klinik ini aman walaupun anda tidak mempunyai visa. Khidmat jurubahasa disediakan melalui telefon atau secara langsung, dan kakitangan akan memahami situasi anda.

Klinik ini selamat daripada COVID. Suhu badan anda akan diperiksa apabila anda tiba. Anda akan diberikan topeng muka jika tidak membawanya.

Bagaimana caranya saya boleh membuat temu janji?

Untuk membuat temu janji, sila telefon Primary Care Connect: **03 5823 3200**

Anda akan dijadualkan untuk berjumpa jururawat, yang dapat mengaturkan temu janji dengan doktor jika perlu. Jika anda memerlukan jurubahasa, jangan teragak-agak untuk bertanya.

Pertanyaan juga dapat dikirimkan melalui e-mel kepada clinicsihat@cabrini.com.au

Dalam keadaan kecemasan, selalu hubungi 000 atau datang ke Jabatan Kecemasan hospital.



Cabrini
OUTREACH



PRIMARY CARE
CONNECT

